

Negara papa jika terus berhutang

BH 21 OCT 1986

Oleh MAHFAR ALI

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak boleh terus berhutang untuk belanja mengurus, termasuk membayar gaji kakitangan awam, kerana tindakan itu akan menjadikan negara papa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak mungkin dapat memenuhi sepenuhnya tuntutan kesatuan sekerja kerana kedudukan ekonomi dan kewangan negara sekarang tidak mengizinkan.

"Pada zaman kelembapan ini tidak mungkin ada pemimpin yang boleh membawa kejayaan kepada mana-mana tuntutan kesatuan sekerja dengan sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelbagai langkah diambil, termasuk memberhentikan pengambilan kakitangan baru dan mengurangkan belanja pembangunan, pendapatan kerajaan masih juga menurun dan akan sampai ke peringkat negara mesti berhutang untuk membayar gaji.

Bagaimanapun, katanya, jika kerajaan berhutang untuk belanja yang hangus, lambat laun negara akan papa dan menjadi abdi kepada pihak yang memberi hutang.

● Lihat Muka 2

Berucap merasmikan Konvensyen Ke-17 Cuepacs di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, tindakan itu juga akan menjejaskan kebebasan negara dalam menguruskan ekonomi kerana kerajaan terpaksa tunduk kepada arahan bank-bank dan negara kaya.

Menurut Perdana Menteri, tidak mustahil pihak berkenaan juga akan meminta kerajaan mengurangkan belanja mengurus termasuk menurunkan gaji dan memberhentikan sebahagian kakitangan awam bagi mendapatkan balik wang mereka.

Oleh itu, katanya, semua pihak, khususnya kakitangan awam mesti berusaha mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan daya pengeluaran.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan tindakan mana-mana pihak mengganggu pemulihan ekonomi negara, termasuk mengadakan tindakan perusahaan akan hanya melambatkan usaha kerajaan memulihkan pendapatan negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berbangga kerana Cuepacs kini tidak lagi menjadi badan politik atau membenarkan kesatuan itu diperalatkan bagi tujuan politik.

"Saya percaya sikap kepemimpinan baru Cuepacs yang lebih realistik seperti ditunjukkan dalam runtingan baru-baru ini, adalah kerana Cuepacs dapat

melepaskan diri daripada orang yang mempunyai niat lain," katanya.

Perdana Menteri berpendapat, sikap konfrontasi atau bermusuhan-musuhan bukanlah cara berkesan untuk mempertahankan hak dan tuntutan pekerja, sebaliknya tindakan itu kerap kali mengagalkan perjuangan kesatuan sekerja.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, beliau sedar fungsi Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) sekarang hanya sebagai saluran pihak pekerja mengemukakan pendapat bagi kerajaan menimbangkannya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak dapat memberi hak berunding kepada sektor awam kerana kerajaan bukan satu syarikat untuk mencari keuntungan, sebaliknya ia memelihara kepentingan rakyat dan negara.

"Jika tawar-menawar dibenarkan dalam jentera perundingan kerajaan, maka kerajaan akan terpaksa berdepan dengan kesatuan-kesatuan sekerja dan ketegangan akan berlaku," katanya.